

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW
[TANJONG]**

TARIKH : 25 OKTOBER 2018 (KHAMIS)

SOALAN NO. 33

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) baru akan dibina bersama-sama pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA). Jelaskan model kewangan membabitkan swasta dalam projek penarafan ini. Adakah bakal membabitkan pengambilan tanah.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) sedia ada direkabentuk untuk menampung pengendalian 6.5 juta penumpang setahun. Namun jumlah penumpang yang dikendalikan pada tahun 2017 di LTAPP telah mencapai sebanyak 7.2 juta penumpang iaitu 111% daripada kapasiti sedia ada.
2. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan komited untuk menyelesaikan masalah kekurangan kapasiti di LTAPP. Kementerian Pengangkutan sedang mempertimbangkan beberapa opsyen untuk memperbesarkan LTAPP dengan meneroka beberapa pilihan termasuk membangunkan ruang tambahan untuk operasi syarikat penerbangan perkhidmatan penuh dan penerbangan tambang murah di bangunan terminal sedia ada. Pembangunan ruang tambahan ini akan meningkatkan kapasiti pengendalian terminal LTAPP daripada 6.5 juta penumpang kepada 12 juta penumpang setahun.
3. Bagi menampung kos pembesaran LTAPP, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan bersama-sama MAHB sedang mengkaji model pembangunan dan kaedah pembiayaan yang sesuai agar projek pembesaran ini dapat dilaksanakan dengan cara yang *cost effective*.
4. Untuk makluman, buat masa ini, tiada pengambilan tanah akan dilakukan bagi melaksanakan projek ini kerana tanah sedia mencukupi.

Sekian, terima kasih